

**KERTAS KONSEP FAKTOR-FAKTOR PERMASALAHAN GURU
DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF TERHADAP
KEPERLUAN GURU RESOS****Siti Fatimah Salleh****IPG Kampus Kota Bharu, Kelantan**Email: siti_ipsm1107@yahoo.com.my

Received: January 10 , 2020	Accepted: January 17, 2020	Published: February 05, 2020
Volume: 6	Issue: 3	Year: 2020

Abstrak

Program Pendidikan Inklusif (PPI) untuk murid berkeperluan khas (MBK) ini dimulakan pada tahun 1987 dibawah Kementerian Pendidikan. Pada tahun 2013 PPI telah diperluaskan lagi selepas Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada Oktober 2011. Namun, adakah pelaksanaan PPI ini dapat dijalankan dengan jayannya. Isu yang sering kali ditemui dalam PPI ialah permasalahan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di kelas PPI. Kertas konsep ini bertujuan untuk mengenal pasti serta mengupas faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi segala permasalahan yang sering kali berlaku di kelas PPI yang mendorong terhadap keperluan guru resos. Permasalahan guru yang telah dikenalpasti ini boleh dikategorikan kepada empat faktor seperti pengetahuan pedagogi, bimbingan, sikap dan bebanan tugas guru. Berdasarkan permasalahan yang telah dikenalpasti, penulis mencadangkan agar satu kajian secara terperinci perlu dilakukan terhadap keperluan guru

resos di kelas PPI. Dengan menempatkan guru resos di kelas PPI diharapkan segala permasalahan dapat diatasi. Hasil kajian ini mendapati PPI akan berkesan jika dirancang rapi oleh pihak KPM dan diimplimentasikan dengan adanya bantuan daripada guru resos.

Kata Kunci: permasalahan guru, Program Pendidikan Inklusif (PPI) dan keperluan guru resos

THE CONCEPT PAPER OF FACTORS REGARDING TEACHERS' PROBLEM IN THE INCLUSIVE EDUCATION PROGRAMME TOWARDS THE NEEDS OF RESOURCE TEACHERS

Abstract

The Inclusive Education Programme (IEP) for Special Needs Student (SNS) was started back in 1987 under the administration of Ministry of Education. In 2013, it was broaden after the establishment of Malaysian Education Blueprint on October 2011. Was the programme succeed? The issue found was about the teachers' problems in implementing the teaching and learning during the IEP class. The aim of the concept paper is to investigate and to know the factors that affect the problems that happened in the IEP programme classes that leads to the need of resource teachers. Four main problems that have been identified are the pedagogical knowledge, guidance, attitude and teachers' workloads. Based on the problems, the writer suggested that a research need to be done to explain the need of resource teachers in IEP classes. By placing resource teachers in IEP classes it is hope that all of the problems can be solved. The research outcome stating that the IEP programme will be a success if the programme is planned carefully by the Ministry of Education and implemented by the help of resource teachers.

Keywords: teachers problems, Inclusive Education Programme (IEP) and the need of resource teachers

Pengenalan

Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan satu program yang ditawarkan kepada murid berkeperluan khas (MBK) untuk belajar bersama-sama rakan mereka yang tipikal di dalam bilik darjah yang sama dan sekolah yang sama untuk menikmati semua kemudahan belajar dalam keadaan normal tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan ketidakupayaan. Matlamat utama pelaksanaan PPI adalah bagi membolehkan MBK terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti berunsur sosial dan akademik di sekolah dan di dalam komuniti dengan memberi ruang dan peluang kepada semua murid. Pelaksanaan PPI juga memberi hak kepada semua murid termasuk MBK untuk mendapat pendidikan.

KPM telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan pada Oktober 2011 bagi mengkaji sistem pendidikan negara secara menyeluruh demi untuk meningkatkan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke 21. PPPM yang dilancarkan akan melalui tiga Fasa iaitu Gelombang I (2013-2015), Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2020-2025) yang akan menyediakan pendidikan terbaik untuk semua murid termasuk MBK (Mohd Hanafi, 2016) .

Justeru, sistem pendidikan yang anjal, dinamik dan peka pada perubahan adalah perlu bagi membantu MBK PPI agar mereka dapat menerima pendidikan sama dengan pelajar biasa yang lain. Mereka diharap dapat menerima ilmu pengetahuan secara lebih efisien dan semaksima yang termampu oleh mereka dalam pembelajaran di PPI. Tugas ini bukan suatu yang boleh dipandang mudah memandangkan MBK di PPI juga berhak mendapat pendidikan seperti murid-murid normal yang lain.(Forlin, Chambers, Loreman, Deppeler, & Sharma, 2013) Dasar pendidikan yang diamalkan di Malaysia ialah pendidikan untuk semua. Dalam usaha ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan kemudahan dan pendekatan bagi memastikan semua murid mendapat manfaat semaksimumnya daripada pelbagai aktiviti pendidikan, sama ada dalam atau di luar bilik darjah.

Latar Belakang

PPI juga memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak menafikan potensi MBK dan percaya bahawa ketidakupayaan mereka boleh diminimakan jika diberi peluang yang sama (Peraturan-Peraturan (Pendidikan Khas, 2013). Mengikut Ismail (2013) dalam Nik Hassan (2016) menyatakan MBK yang

mengikuti program pendidikan khas adalah terdiri daripada mereka yang dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira sama seperti murid-murid di arus perdana. Dalam erti kata lain, pendidikan ini melibatkan pelajar-pelajar berkeperluan khas di dalam kelas-kelas biasa yang mana bantuan yang sesuai kepada mereka akan diberikan bagi membolehkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran bersama-sama pelajar biasa. KPM menyatakan konsep kelas inklusif seperti berikut;

Program Pendidikan 'Inklusif' ertinya suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh Murid Berkeperluan Khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (Peraturan-Peraturan (Pendidikan Khas) KPM 2013).

PPI ini telah pun dimasukkan dalam Sasaran Kerja Utama, Kementerian Pendidikan sebagaimana terkandung dalam buku Perancangan Strategik Pendidikan Khas Wawasan 2020. Salah satu sasaran Kementenan Pendidikan ialah mengintegrasikan MBK dengan pelajar aliran sekolah biasa. PPI dapat memberi peluang kepada MBK untuk menikmati segala peluang dan pembelajaran sebagaimana yang dirasai, dialami dan dinikmati oleh rakan sebaya mereka yang normal iaitu tanpa kecacatan dalam bilik darjah di sekolah biasa. Kanak-kanak ini boleh berada di kelas biasa sepanjang masa atau sebahagian sahaja bersama rakan sebaya mereka yang biasa dan didampingi oleh seorang pembantu guru yang terlatih khas dan seorang guru kelas (Ang Huat Bin, 1999).

Usaha untuk memberi peluang kepada MBK di kelas arus perdana telah mengalami perubahan positif melalui pendidikan inklusif. Hal ini selaras dengan konsep pendidikan untuk semua dengan menyediakan peluang dan perkhidmatan pendidikan untuk semua MBK seperti bermasalah pendengaran, bermasalah penglihatan dan bermasalah pembelajaran termasuk murid-murid autistic, *sindrom down* dan lain-lain. Jadual 1 merupakan bilangan MBK yang berada di Program Pendidikan Inklusif (Bahagian Pendidikan Khas. 2015).

Jadual 1: Bilangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) Dalam Program Pendidikan

Inklusif Tahun 2013 dan 2014

Tahun	Jumlah MBK dalam Program Pendidikan Inklusif	Peratus	Bilangan Sekolah
2013	5373	9.60	1742
2014	10700	18.44	2798

(Sumber, Bahagian Pendidikan Khas KPM, 2015)

PPI adalah satu wahana bagi menyediakan akses dan peluang pendidikan kepada MBK. Pada peringkat permulaan, PPI ini dilaksanakan mengikut acuan sendiri di sekolah-sekolah tertentu sahaja yang melibatkan murid kurang upaya fizikal dan murid bermasalah penglihatan. Walau bagaimanapun, pada masa kini PPI ini telah diperluaskan kepada semua kategori MBK yang mampu mengikuti kurikulum pendidikan kebangsaan. Pelaksanaan PPI dijalankan dengan 2 cara iaitu (i) inklusif penuh dan (ii) inklusif separa.

Definisi

Berikut adalah takrifan beberapa istilah sama ada berbentuk kata dan frasa yang diguna pakai dalam kertas kerja ini. Penggunaannya adalah berdasarkan konteks dan skop kajian yang membawa makna khusus. Antaranya seperti berikut:

Permasalahan

Mengikut Kamus Dewan (2005) permasalahan ialah sesuatu atau segala-gala yang menjadi masalah, pelbagai masalah atau persoalan yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan).

Masalah adalah halangan, gangguan yang dialami seseorang. Dalam konteks akademik masalah adalah rintangan yang dihadapi oleh pelajar atau guru untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik (Rahaila Omar et al., 2014). Balakrishnan (2011) menjelaskan masalah dalam pembelajaran adalah sesuatu yang mencabar yang menjadi punca utama yang menghalangnya untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mencabar ketika mengajar. Manakala Mustafa et al. (2015) dalam Nik Hassan (2016) menjelaskan bahawa permasalahan adalah sesuatu yang dihadapi pelajar semasa pembelajaran dan ianya perlu diselesaikan bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Dalam hal ini permasalahan adalah berkait dengan masalah-masalah yang sering kali berlaku semasa proses PdP dan setiap permasalahan tersebut perlu ditangani agar sesuatu masalah tersebut tidak akan menjadi semakin rumit atau serius.

Pengajaran Guru

Mengikut Hamdi (2011) dalam Nik Hassan (2016) ialah cara penyampaian maklumat ini dikatakan kaedah dan teknik pengajaran. Pengajaran juga boleh ditafsirkan sebagai langkah atau cara yang harus diikuti guru supaya pelajarinya memahami pengajaran dan pembelajaran yang diajar oleh guru. Pengajaran merangkumi satu program dan perancangan yang digunakan oleh guru atau pendidik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Jelaslah pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah satu proses menyampaikan ilmu pengetahuan yang melibatkan guru dan pelajar (Zakaria, 2012). Dalam hal ini proses PdP melibatkan guru dan murid. Tugas guru adalah menyampaikan ilmu pengetahuan sementara murid pula berperanan menerima input daripada guru.

Pengajaran menurut Mook (2010) merupakan sesuatu aktiviti yang diusahakan bersama-sama antara guru dengan pelajar. Pengajaran ini dirancang oleh guru secara sistematik melalui kaedah dan teknik yang sesuai, membimbing dan memotivasikan pelajar demi memperolehi pengetahuan dan menguasai kemahiran. Pengajaran juga merupakan satu aktiviti intelek bertujuan untuk membawa perubahan dari segi nilai dan kepercayaan (Wasley, 2001). Melalui pengajaran perubahan ke arah kebaikan akan berlaku samada dari segi pengetahuan, pemikiran, tingkah laku, nilai mahu pun kepercayaan.

Dalam kajian ini, pengajaran merujuk kepada tugas guru untuk menyampaikan pengajaran dan mengembangkan langkah-langkah pelajarannya bagi memastikan setiap MBK mencapai objektif dan hasil pembelajaran yang ingin disampaikan mengikut sesuatu mata pelajaran dan masa tertentu.

Dalam konteks kajian ini, permasalahan pengajaran guru ialah merujuk kepada sesuatu yang menjadi masalah atau sesuatu yang timbul semasa pelaksanaan PdP di kelas PPI. Permasalahan ini biasanya berpunca daripada guru atau MBK. Masalah yang wujud adalah berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh guru kelas atau guru mata pelajaran atau MBK di kelas PPI.

Program Pendidikan Inklusif

Berdasarkan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 menyatakan bahawa "Program Pendidikan Inklusif ertinya suatu program

pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan."

Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah program di mana MBK yang mampu mengikuti kurikulum kebangsaan belajar bersama-sama murid lain dalam kelas yang sama. Program ini bertujuan memberi peluang kepada MBK mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid arus perdana.

Keperluan

Keperluan merupakan sesuatu yang dikehendaki, sesuatu yang berguna, yang mempunyai kepentingan, yang menjadi keharusan atau kemestian kepada seseorang individu untuk dipenuhi (Kamus Dewan Bahasa, 2005). Keperluan ini berupaya menggerakkan individu ke arah matlamat tertentu. Aspek keperluan ini penting kepada setiap individu untuk menentukan tahap motivasi mereka dan dapat membantu mempengaruhi perlakuan seseorang (Campbell et al., 2001). Manakala menurut Aldefer (1972) keperluan adalah keinginan manusia kepada tiga peringkat iaitu keperluan kepada hubungan yang bermakna dengan individu lain, keperluan kepada kebendaan dan keperluan kepada kemajuan. Dalam kajian ini, keperluan merujuk kepada sesuatu yang dikehendaki, sesuatu yang berguna, yang mempunyai kepentingan, dalam aspek pengajaran dan pembelajaran khususnya di kelas PPI. Ianya berkaitan dengan keperluan terhadap guru resos yang boleh membantu guru-guru kelas atau guru-guru mata pelajaran di kelas PPI dari segi kaedah pengajaran guru, pedagogi, bimbingan, dapat mengurangkan bebanan tugas guru, medium komunikasi dan bahan bantu mengajar (BBM). Keperluan guru kelas atau guru mata pelajaran terhadap aspek tersebut adalah penting bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka di kelas PPI dan seterusnya meningkatkan pembelajaran MBK di kelas PPI.

Guru Resos

Mengikut Kamus Dewan Bahasa (2005) resos ialah sumber. Dalam konteks akademik guru resos ialah guru sumber. Berdasarkan Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (2014) *resource* ialah bantuan, daya, akal atau sumber. Dalam konteks kajian ini guru resos ialah guru yang dapat memberi bantuan, memberi daya, memberi akal (pendapat atau cadangan) atau memberi sumber.

Manakala mengikut KPM (2013), guru resos ialah guru pendidikan khas yang berperanan sebagai guru resos iaitu,

- i. menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan keperluan MBK.
- ii. membantu guru dalam kelas arus perdana semasa pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks kajian ini, guru resos merujuk kepada guru pendidikan khas yang mempunyai pengetahuan dan kelayakan serta mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan khas atau guru mata pelajaran yang berminat untuk mengajar di kelas PPI serta akan diberi latihan berkaitan bidang pendidikan khas yang akan di tempatkan di kelas PPI yang akan membantu guru kelas atau guru mata pelajaran dan MBK sepanjang sesi PdP.

Pernyataan Masalah

Program Pendidikan Inklusif (PPI) telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1987 di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 2013 pula PPI telah diperluaskan lagi selepas Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada Oktober 2011. Namun, adakah pelaksanaan PPI ini dapat dilaksanakan dengan jayannya. Sepanjang tempoh pelaksanaannya selama hampir tiga puluh tahun di Malaysia, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan terhadap PPI ini. Berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian yang ditemui didapati banyak permasalahan berlaku di PPI ini. Permasalahan ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu permasalahan guru dan permasalahan MBK. Persoalan yang boleh dibangkitkan ialah, apakah faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya pelbagai permasalahan di kelas PPI ini?

Berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian yang lepas bagi permasalahan guru di kelas PPI terdapat empat faktor telah dikenal pasti seperti pengetahuan pedagogi, bimbingan, sikap dan bebanan tugas guru.

Kajian-Kajian Lampau

Faktor Pengetahuan Pedagogi

Berdasarkan kajian-kajian lepas beberapa halangan yang menjadi kekangan kepada keberkesanan pengajaran guru di kelas PPI ialah seperti pengetahuan pedagogi guru samada guru kelas atau guru mata pelajaran di kelas PPI. Berdasarkan kajian Mohd Hanafi (2016) mendapati terdapat guru arus perdana di kelas PPI yang tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman asas berkaitan pendidikan khas serta kaedah pengendalian MBK. Hal ini akan menyebabkan guru kelas atau mata pelajaran menghadapi kesukaran untuk memahami keperluan MBK di kelas PPI. Situasi ini akan menyukarkan proses PdP MBK di kelas PPI. Hasil dapatan kajian ini mendapati tiga daripada lima

(60%) guru arus perdana tidak memperoleh pendedahan khusus berkaitan teknik dan kaedah PdP yang bersesuaian dengan MBK di kelas PPI.

Hasil daripada kajian Mohd Hanafi (2016) juga mendapati masih terdapat guru mata pelajaran yang menggunakan teknik dan kaedah PdP yang sama untuk semua murid tanpa mengambil kira tahap keupayaan dan potensi MBK di kelas PPI. Hal ini akan menyebabkan adanya MBK yang tidak dapat mengikuti pengajaran guru serta tidak dapat menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan oleh guru. Bagi guru yang mendapat pendedahan khusus berkaitan kaedah PdP yang bersesuaian dengan MBK, mereka dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan.

Seterusnya berkaitan dengan penyelarasan pengajaran kerana tidak ada penyelarasan antara isi kurikulum kelas biasa dengan kelas PPI sehingga menyebabkan keadaan ini menjejaskan pembelajaran MBK. Hal ini berlaku adalah kerana guru arus perdana tidak mempunyai pengetahuan atau tidak dilatih dalam melaksanakan PdP di kelas PPI. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ysseldyke dan Aloff (1982) dalam Murnie (2013) menyatakan antara faktor yang menjadi kekangan utama ialah sumber yang terhad, sikap yang negatif dan kurangnya guru-guru yang terlatih dalam melaksanakan kelas di PPI.

Berdasarkan hasil kajian Hanum (1992) dalam Ang Huat Bin (2001) mendapati terdapat sebilangan kecil iaitu 22.2% guru mata pelajaran am tidak bersetuju untuk mengajar di kelas PPI kerana mereka tidak mendapat latihan. Guru perlu diberi latihan sebelum mengendalikan PPI (Strain, 1981 dalam Ang Huat Bin 2001) dan mereka yang mengendalikan atau mengajar di kelas-kelas PPI ini perlu juga berpengalaman dan cukup matang dalam menjalankan tanggungjawab seumpama ini (Gresham, 1984 dalam Ang Huat Bin, 2001).

Berdasarkan kajian-kajian lepas terdapat juga faktor keadaan bilik darjah yang menjadi kekangan kepada keberkesanan pengajaran guru di kelas PPI. Menurut kajian Kamaliah (2010) mendapati tiada perubahan atau penyesuaian fizikal dilakukan oleh pihak yang terlibat terhadap sumber bantuan pembelajaran untuk murid austistik di kelas PPI. Hal ini akan menyukarkan guru arus perdana dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas PPI tersebut. Selain menyukarkan aktiviti guru bagi proses PdP, keadaan bilik darjah yang tidak sesuai bagi MBK austistik akan menyebabkan pergerakan serta penglibatan mereka dalam aktiviti agak terbatas, tidak selamat dan kurang selesa. Hal ini akan menyebabkan proses PdP menjadi tidak lancar.

Masalah kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian dan memenuhi keperluan PdP MBK di kelas PPI juga menjadi salah satu masalah dalam

perlaksanaan PPI ini. Perkara ini turut dipersetujui oleh Mohd. Rizal dan Muallimah (2008) dalam Murnie (2013), yang menyatakan perkara ini mungkin disebabkan kebanyakan guru arus perdana tidak mempunyai pendedahan yang cukup untuk membuat alat bantu mengajar bagi MBK. Alat bantu mengajar yang bersesuaian amat diperlukan oleh MBK terutama dalam membantu mereka memahami konsep-konsep tertentu. Pembinaan alat bantu mengajar yang tepat serta betul cara penggunaannya diharap dapat meningkatkan pencapaian MBK dalam menguasai sesuatu kemahiran mata pelajaran.

Tidak dinafikan guru-guru di PPI seringkali menghadapi masalah dalam aspek PdP, tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman asas tentang pendidikan khas, tidak mahir membina serta mengguna alat bantu mengajar yang sesuai, keadaan bilik darjah yang tidak sesuai, penerapan nilai serta kemahiran berfikir, dan menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan murid. Dengan adanya khidmat guru resos diharapkan agar boleh membantu guru-guru arus perdana yang mengajar di kelas PPI dalam menangani permasalahan seperti di atas tadi.

Faktor Bimbingan

Berdasarkan kajian-kajian lepas beberapa halangan yang menjadi kekangan kepada keberkesanan pengajaran guru di kelas PPI ialah seperti masalah bimbingan guru samada guru kelas atau guru mata pelajaran di PPI. Di dapati guru arus perdana sukar untuk memberi bimbingan atau tumpuan yang lebih kepada MBK di kelas PPI. Hal ini berlaku kerana guru mengajar mengikut sukatan serta terpaksa menghabiskan sukatan sesuatu mata pelajaran.

Berdasarkan hasil kajian Hanum (1992) dalam Ang Huat Bin (2001) terdapat sesetengah guru yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan PPI menyatakan bahawa program ini tidak sesuai kerana mereka terpaksa menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditetapkan. Mereka bukan sahaja perlu memastikan MBK yang lambat dalam pembelajaran memperoleh kemajuan dalam pelajaran bahkan MBK cacat penglihatan perlu juga diberi perhatian. Hal seumpama ini akan menyebabkan MBK akan ketinggalan dalam pelajaran sekiranya guru-guru mata pelajaran mengajar tanpa sempat memberi bimbingan terhadap mereka.

Tidak dinafikan guru-guru di PPI seringkali menghadapi masalah dalam aspek bimbingan terhadap MBK. Dengan adanya khidmat guru resos diharapkan agar boleh membantu guru-guru yang mengajar di kelas PPI dalam menangani permasalahan seperti di atas tadi.

Faktor Sikap

Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati bahawa sambutan, penglibatan dan penerimaan sebahagian guru arus perdana masih lagi dingin. Malahan masih terdapat juga segelintir daripada guru arus perdana yang berpandangan serong terhadap kehadiran MBK di kelas PPI seterusnya mempertikaikan kewajaran pelaksanaan PPI ini. Malah ada juga yang tidak mengalu-alukan kehadiran MBK untuk menyertai sesi PdP dengan mengemukakan pelbagai alasan. Hasil dapatan kajian Sue (2012) dalam Murnie (2013) menyatakan bahawa guru-guru mempunyai anggapan negatif dan sering memberikan pelbagai alasan dan tidak mahu menerima hakikat bahawa MBK belajar bersama-sama dengan murid biasa di kelas PPI. Masalah akan bertambah rumit lagi jika terdapat guru yang tidak mahu menerima kehadiran MBK tersebut di kelas PPI.

Sikap negatif guru sekolah terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif juga menjadi halangan kepada keberkesanan pengajaran guru di kelas PPI. Kajian Haniz (1998) dalam Supiah (2005) telah mendapati guru aliran perdana di sekolah rendah bersikap negatif terhadap pelaksanaan PPI. Penerimaan serta sikap negatif guru arus perdana terhadap pelaksanaan PPI akan menjejaskan keberkesanan pengajaran guru. Manakala laporan akhbar *Georgiandaily.com* (2008) dalam Murnie (2013) menyatakan bahawa pihak pengurusan sekolah menolak pelaksanaan PPI ini di sekolah-sekolah awam dan guru pula tidak mahu melaksanakan kelas bagi MBK ini sekiranya mereka masih dibayar dengan jumlah gaji yang biasa atau masih sama.

Hasil dapatan kajian tindakan Nik Khairun Nisa (2004) menunjukkan guru arus perdana sama guru kelas atau guru mata pelajaran tidak melibatkan MBK dalam PdP. Hal ini menyebabkan MBK di kelas PPI tersebut tidak suka masuk ke kelas PPI. Hal ini terjadi kerana kesan *Labelling* ke atas MBK adalah sangat ketara di sekolah tersebut iaitu penerimaan guru arus perdana terhadap MBK setelah didiagnosis adalah negatif berbanding sebelum itu. Hal ini menunjukkan bahawa penerimaan awal guru arus perdana terhadap MBK lebih positif berbanding setelah didiagnosis dan dilabelkan dengan sesuatu masalah. Hal ini akan memberi kesan terhadap keberkesanan proses PdP di kelas PPI.

Menurut Supiah (2005) persepsi dan komitmen guru besar dalam menangani isu MBK di kelas PPI mempunyai impak ke atas sikap guru terhadap MBK di kelas PPI. Hasil kajian Supiah (2005) mendapati terdapat dua situasi sikap guru arus perdana terhadap MBK di kelas PPI setelah adanya campur tangan atau penglibatan pihak pentadbir dalam pelaksanaan PPI di sekolah tersebut. Dua situasi sikap guru tersebut iaitu i) terdapat guru yang proaktif, mencari jalan penyelesaian bagi menangani MBK dengan berkesan. Mereka ini adalah guru yang prihatin dan bersikap positif dalam banyak perkara, dan ii) terdapat guru

yang komited atas dasar kewajiban yang diamanahkan. Mereka ini adalah guru yang akan membuat kerja mengikut arahan dan kurang inisiatif untuk memperbaiki kemahiran dan pengetahuan tentang MBK. Dua situasi sikap guru tersebut akan turut mempengaruhi keberkesanan proses PdP di kelas PPI.

Dengan adanya khidmat guru resos diharapkan agar boleh membantu mewujudkan persepsi serta anggapan yang positif pihak pentadbir, guru-guru aliran perdana sama ada guru kelas atau guru mata pelajaran terhadap MBK di kelas PPI dan seterusnya dapat menangani permasalahan seperti di atas tadi.

Faktor Bebanan Tugas

Guru di PPI sering beranggapan bahawa kehadiran MBK di PPI akan menambahkan beban tugas mereka di samping rasa terbeban dengan tugas tambahan di luar bilik darjah seperti menyertai aktiviti GERKO seperti sukan, unit beruniform, perkhemahan dan sebagainya. Lebih menyedihkan lagi apabila guru-guru di PPI terpaksa menanggung beban tugas di luar tanggungjawab sebagai seorang guru.

Kajian Mohd Najib Ghafar (2006) menyatakan bahawa tinjauan pendapat daripada guru-guru pendidikan khas berkaitan dengan pelaksanaan PPI ini ialah isu tentang pembahagian tugas, di mana guru bilik darjah biasa tidak memberi sokongan dan kerjasama terhadap pengajaran MBK di kelas PPI.

Adalah amat dikesali bila terdapat juga segelintir kecil dari kalangan pentadbir didapati tidak dapat menerima kehadiran MBK di kelas PPI ini secara positif. Berdasarkan kajian Mohd Najib Ghafar (2006) mendapati sesetengah pengetua dan guru arus perdana tidak menerima secara positif penempatan MBK di sekolah-sekolah mereka. Mereka berpendapat kehadiran MBK ini akan menyusahkan urusan pentadbiran dan menjejaskan pencapaian prestasi akademik sekolah.

Dalam kajian Gow et al., (1988) dalam Ang Huat Bin (2001) hasil kajian menunjukkan bahawa sikap dingin guru besar dan guru-guru terhadap PPI adalah akibat daripada ketidakpuasan mereka berkenaan dengan kualiti dan kuantiti khidmat sokongan yang diberi kepada mereka. Dalam banyak keadaan, guru inklusif terpaksa berperanan sebagai kaunselor, terapis dan sebagainya. Hal sedemikian akan menambahkan lagi tugas dan tanggungjawab guru arus perdana terhadap MBK di sekolah.

Kajian Pickering (1982) dalam Ang Huat Bin (2001) menunjukkan bahawa kebanyakan guru lebih suka tidak mengambil MBK sebagai murid mereka di dalam kelas normal. Sebabnya ialah penambahan beban kerja seperti dari segi

layanan, tumpuan dan pengajaran perseorangan serta penyediaan alat bantuan mengajar khusus untuk mereka. Tugas dan tanggungjawab sebegini akan menambahkan lagi beban terhadap guru arus perdana.

Cole dan Chan (1990) dalam Ang Huat Bin (2001) menekankan bahawa sekiranya PPI menambahkan beban guru dengan tidak mendapat khidmat-khidmat sokongan yang sesuai dan memanfaatkan, akhirnya guru akan kecewa dan tidak akan mempunyai sikap yang positif terhadap program ini.

Rasa tekanan guru yang mengajar di kelas PPI boleh dikurangkan apabila mereka mendapat khidmat bantuan daripada guru resos. Adanya bantuan dari guru resos dapat membantu meringankan beban serta dapat memberikan nasihat agar guru-guru aliran perdana yang mengajar di kelas PPI dapat menjalankan tugas dengan baik.

Oleh yang demikian, jika dianalisis dari kajian-kajian yang lampau, jelas menunjukkan bahawa terdapat empat isu utama permasalahan guru iaitu pengetahuan pedagogi, bimbingan, sikap dan bebanan tugas guru yang wujud di kelas PPI yang mendorong terhadap keperluan guru resos. Semua permasalahan ini akan mengganggu kelancaran proses PdP guru aliran perdana yang mengajar di kelas PPI dan semua permasalahan ini diharap dapat diatasi dengan adanya penglibatan dan penempatan guru resos di kelas-kelas PPI.

Cadangan Mewujudkan Guru Resos yang Berkualiti

Berdasarkan perbincangan hasil dapatan dari kajian-kajian yang lampau, terdapat banyak isu dan permasalahan yang wujud di kelas PPI. Permasalahan guru yang telah dikenal pasti ini diharap dapat diatasi dengan adanya penglibatan dan penempatan guru resos di kelas-kelas PPI. Pernyataan ini bertepatan dengan pendapat Mohd Nawi (2015) yang menyarankan agar guru resos di tempatkan di kelas-kelas PPI. Adanya penglibatan guru resos di kelas PPI adalah berperanan membantu guru mata pelajaran dan MBK semasa sesi PdP. Bagi menjayakan pelaksanaan PPI ini, guru pendidikan khas perlulah memainkan peranan sepenuhnya dengan bertindak sebagai guru resos yang sangat efektif.

Che Azhar (2017) mencadangkan agar guru-guru pendidikan khas yang mempunyai kepakaran, pengetahuan dan berpengalaman yang mengajar di kelas pendidikan khas integrasi di tempat di kelas-kelas PPI sebagai guru resos. Guru resos ini akan berperanan membantu guru kelas, guru mata pelajaran dan MBK semasa dan selepas sesi PdP di kelas PPI. Menurut Shamsiah (2017) guru yang mengajar di kelas pendidikan khas integrasi di sekolah tersebut akan

ditugaskan menjadi guru pendamping kepada MBK di kelas PPI. Bagi guru-guru pendidikan khas integrasi ini mereka bertugas secara bergilir-gilir di kelas PPI di sekolah mereka. Jadi bagi pandangan Che Azhar (2017) dan Shamsiah (2017) sangat bersetuju agar seorang guru resos di tempatkan di setiap kelas yang mempunyai MBK di PPI.

Peranan penting yang boleh dimainkan oleh guru resos ialah dapat membantu guru arus perdana mengenal pasti masalah MBK supaya intervensi awal boleh dilakukan. Guru resos membantu guru aliran perdana dengan memerhatikan murid yang mempunyai masalah pembelajaran atau masalah tingkah laku dan membantu guru kelas atau guru mata pelajaran dengan strategi intervensi yang sesuai bagi menggalakkan proses PdP. Sesuatu strategi intervensi pembelajaran itu boleh melibatkan pengajaran individu, tugas penyelesaian masalah, dan kerja secara dalam kumpulan kecil. Kenyataan ini bersesuaian dengan pendapat Friend dan Cook (1996) dalam Peterson et al., (2003) yang menyatakan bahawa pasangan kolaboratif (guru) dalam kelas inklusif kadang-kadang bertindak memerhati dari belakang atau menolong beberapa orang murid. Kadang-kadang mereka membahagikan murid kepada kumpulan kecil untuk pembelajaran secara koperatif.

Guru resos juga boleh membantu dalam pembinaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) untuk setiap MBK di kelas PPI. RPI menentukan matlamat individu untuk setiap MBK dan disesuaikan dengan gaya belajar dan kebolehan MBK tersebut. Guru resos juga akan membuat ulasan tentang RPI bersama-sama ibu bapa MBK tersebut. Guru resos juga akan bekerjasama dengan ibu bapa dan memaklumkan kepada mereka tentang kemajuan anak mereka serta mencadangkan teknik untuk menggalakkan kesinambungan pembelajaran di rumah. Kenyataan ini bersesuaian dengan pendapat Bryant et al., (2008) yang menyatakan bahawa perkongsian secara kolaboratif ini akan dapat membangunkan dan meningkatkan lagi pembelajaran semua murid serta dapat membina hubungan antara murid dengan sekolah semasa di rumah. (Şenay İlik & Sari, 2017)

Peranan lain guru resos yang berkualiti ialah:

- i) menjadi ahli jawatankuasa PPI
- ii) mendapatkan kebenaran bertulis dari ibu bapa / penjaga berhubung dengan penempatan MBK ke PPI
- iii) mengenal pasti kesediaan MBK untuk ditempatkan di pra inklusif
- iv) merancang dan menyediakan rancangan pengajaran semasa bersama guru mata pelajaran
- v) merancang dan melaksanakan PdP di pra inklusif
- vi) membantu memperkembangkan emosi MBK, rasa selesa dalam situasi sosial dan prihatin terhadap tingkah laku yang diterima oleh masyarakat
- vii) membantu memperkembangkan tingkah laku dan akademik MBK
- viii) membantu guru mengadaptasi bahan kurikulum dan teknik mengajar untuk memenuhi keperluan MBK
- ix) mengubahsuai tugas untuk memenuhi keperluan MBK secara individu
- x) membantu dalam menilai pelaporan prestasi MBK dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya
- xi) membimbing MBK secara individu atau berkumpulan semasa dan selepas PdP di kelas PPI
- xii) menjalankan pengukuhan dan pengayaan terhadap MBK selepas PdP di PPI

Walau bagaimanapun guru resos yang berperanan penting dalam proses PdP perlu juga mempunyai ciri-ciri yang boleh menjadikannya sebagai seorang guru yang berkualiti. Ciri-ciri yang perlu ada dan diperkukuhkan lagi ialah:

- i) bijak
- ii) sabar
- iii) kreatif dan inovatif
- iv) rajin berkerja
- v) pandai berjenaka
- vi) pembentuk sikap yang baik

Terdapat beberapa cara atau kaedah yang boleh dilaksanakan bagi pengajaran bersama-sama antara guru mata pelajaran dengan guru resos di kelas PPI. Mengikut Friend dan Cook (1996) dalam Peterson et al., (2003) menyarankan beberapa cara atau kaedah pengajaran bersama-sama seperti:

- i) satu mengajar, satu memerhati

- ii) satu mengajar, satu beredar
- iii) stesen pembelajaran
- iv) pengajaran selari
- v) pengajaran secara bergilir
- vi) pengajaran secara bersama-sama

Untuk PPI yang berkesan, guru aliran perdana iaitu guru kelas atau guru mata pelajaran dan guru resos perlu bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif yang boleh membawa kepada integrasi yang optimum dan seterusnya dapat mewujudkan suatu proses PdP di kelas PPI yang bukan setakat berkesan tetapi malah dapat merealisasikan pelaksanaan kurikulum di sekolah.

Kesimpulan

Guru berperanan penting dalam menyampaikan kurikulum kepada murid di sekolah. Dalam konteks kertas konsep ini guru pendidikan khas yang dilantik sebagai guru resos memainkan peranan penting dalam proses PdP terhadap MBK di kelas PPI. Guru resos ini sangat berpotensi mengubah sikap dan status MBK terhadap sesuatu kurikulum (subjek) itu. Guru resos akan bertindak sebagai penyambung antara teori dan amalan dalam pendidikan di kelas PPI. Kenyataan ini bersesuaian dengan pendapat Jones (2005) yang menyatakan bahawa dengan adanya kerjasama kolaboratif dengan ahli-ahli professional, ibu bapa dan guru akan menghasilkan pelbagai kemahiran yang diperlukan dalam bilik darjah. Kerjasama kolaboratif ini akan melibatkan kemahiran-kemahiran yang tidak ada dalam sesuatu kursus kerana sesetengah guru mungkin mendapat sesuatu kemahiran tersebut secara semulajadi (alami) dan ada sesetengah guru perlu mempelajari serta mempraktiknya.

Walau macam mana baik pun seseorang guru, jika sendirian tidak dapat menjamin kejayaan sesuatu program, lebih-lebih lagi PPI. Oleh itu sokongan daripada semua pihak amatlah penting. Untuk pelaksanaan PPI yang berkesan, guru besar, guru arus perdana iaitu guru kelas atau guru mata pelajaran, guru resos, ibu bapa, pihak pengurusan sekolah, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan swasta perlu bekerjasama. PPI memberi peluang ke arah pemantapan sistem pendidikan untuk golongan MBK di Negara kita sekaligus mengangkat martabat pendidikan Malaysia di persada dunia.(Bui, Quirk, Almazan, & Valenti, 2010)

Rujukan

- Al-defer, C.P. (1972). *Existence, relatedness and growth: Human needs in organizational setting*. New York: The Free Press.
- Ang Huat Bin. (2001). *Konsep dan kaedah pengajaran dengan penekanan pendidikan inklusif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distribution Sdn. Bhd.
- Balakrishnan A/L Govinthasamy. (2011). *Penilaian proses pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam kurikulum sekolah menengah di sebuah sekolah menengah di daerah Tuaran Sabah: Satukajian kes* (tesis doctor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Malaysia Sabah.
- Bryant, D.P., Smith, D.D., and Bryant, B.R. (2008). *Teaching Students with Special Needs in Inclusive Classrooms*. Pearson Education, Inc.
- Che Azhar Che Ismail. (2017). *Temu bual bersama Guru Penolong Pendidikan Khas, Unit Pendidikan Khas, SK. Kubang Kerian 1, Kota Bharu, Kelantan*. Diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh Februari 2017 di Bilik Guru.
- Campbell, J., Smith, D., Lewis, G.B., Brownless, P.C. Carrington, S., and Prurdie, N. (2001). *Students' Perceptions of Teaching and Learning: The influence of students approaches to learning and teacher' approaches to teaching*. *Teacher and Teaching: theory and practice*, 7(2),173-189.
- Haniz Ibrahim. (1998). *Inclusive Education in Malaysia: Teachers' Attitude to Change*. PhD thesis. University of Exeter. Unprinted.
- Jones, P. (2005). *Inclusion In The Early Years: Stories of good practice*. David Fulton Publishers.
- Waldron, K. A. (2005). *Introduction to a Special Education – the inclusive classroom*. David Fulton Publishers.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Kelima. (2014). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas (PPIMBK)*. Bahagian Pendidikan Khas. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)*. Bahagian Pendidikan Khas. Putrajaya.
- Mohd Nawawi Awang Senik. (2015), *Temu bual bersama Penyelia Pendidikan Khas, Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Kelantan*. Diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh 9 September 2015 di Pejabat JPN.
- Kamaliah Muhammad dan Wan Aminah Wan Mahmud. (2010). *Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Autistik Di Sebuah Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes*. <http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010>
- Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016). *Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015*. <http://www.researchgate.net/publication/299447306>
- Mohd Najid Ghafar dan Sanisah Jahaya. (2006). *Bias Pengajaran Guru Dalam Pelajaran Khas dan Pelajaran Normal*.
- Mohd Nawawi Awang Senik. (2015), *Temu bual bersama Penyelia Pendidikan Khas, Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Kelantan*. Diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh 9 September 2015 di Pejabat JPN.
- Mustafa Che Omar, Nik Hassan Seman, Abdullah Yusof dan Abdul Hakim Abdullah. (2015, Oktober). *Kesukaran mengajar dan belajar al-Quran dalam kalangan pelajar pekak: Isu dan cabaran guru Pendidikan Islam*. Kertas Kerja ini dibentang di International Conference al-Quran, UniSZA, Terengganu.
- Murnie Hassan. (2013). *Perlaksanaan Program Inklusif Bagi Pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Di Program Intergrasi*. (tesis ijazah sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2013). *Pedagogi untuk pengajaran dan pembelajaran*. Puchong: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Nik Hassan Seman. (2016). *Permasalahan Pengajaran Pendidikan Islam Peringkat Sekolah Menengah Dalam Kalangan Pelajar Pekak* (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Sultan Zainal Abidin.

- Nik Khairun Nisa Abu Bakar. (2004). *Kelas Inklusif: Ketersediaan, kesesuaian dan keberkesanan program bagi murid PKBK SK Taman Sri Mawar*. Prosiding Seminar Kajian Tindakan Guru-guru Negeri Sembilan Darul Khusus kali kedua. M.s 83-86.
- Peterson, J.M. and Hattie, M.M. (2003). *Inclusive Teaching : Creating Effective Schools for All Learners*. Pearson Education, Inc.
- Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas). (2013). *Warta Kerajaan Persekutuan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahaila Omar, Sumaiyah Sulaiman, Nurashikin Kamarudin. (2014). *Halangan memperoleh kecemerlangan dalam kemahiran lisan*. Jurnal Penyelidikan IPGK, Pendidikan Islam, 14, 81-100.
- Shamsiah Ismail. (2017). *Temu bual bersama Guru HEM Pendidikan Khas, Unit Pendidikan Khas, SK. Kubang Kerian 1, Kota Bharu, Kelantan*. Diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh Februari 2017 di Bilik Guru.
- Supiah Saad. (2005). *Komitmen dan Peranan Guru dalam Pelaksanaan Pendekatan Pendidikan Inklusif di Malaysia*. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/supiahKPM.pdf>
- Wasley, P. (2001). *Teacher who lead: The rhetoric of reform and the realities of practice*. New York: Teachers College Press.
- Zakaria Abdullah. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan* (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zalizan Mohd Jelas. (1996). *Perkembangan kini dan peningkatan pelaksanaan Pendidikan Inklusif*. Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas.
- Zalizan Mohd Jelas. (2012). *Pendidikan Inklusif dan Pelajar Berkeperluan Khas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaleha Tambi Adam. (1997). *Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran di sebuah sekolah di Kuala Lumpur* (tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya.